



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Hasrat tebus mata e-dompet berakhir kerugian RM21,399

Publication/Portal: Berita Harian

Date: 1 January 2023

Language: Malay

Section: Nasional

Page: 15

Hasrat tebus mata e-dompet berakhir kerugian RM21,399

Suri rumah serah nombor kad bank, TAC selepas suspek maklumkan akaun tamat tempoh

Oleh Khairulmizan Yahya
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Seorang suri rumah kerugian RM21,399 selepas mahu menebus 750 jumlah mata terkumpul yang ada dalam akaun e-dompet miliknya yang kononnya dika-

takan sudah tamat tempoh.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, berkata kejadian bermula pada 29 Disember lalu selepas mangsa dari Raub yang berusia 36 tahun menerima panggilan daripada suspek menyamar wakil syarikat Touch 'n Go.

"Suspek memaklumkan akaun e-dompet milik mangsa sudah tamat tempoh dan terdapat 750 point (jumlah mata terkumpul) yang masih belum dituntut.

"Mangsa kemudian menyerahkan nombor kad bank dan nombor pengesahan transaksi (TAC) selepas suspek meminta kononnya mahu membantunya menebus point berkenaan.

"Mangsa menyerahkan tujuh nombor TAC yang berlainan kepada suspek sebelum menyedari dirinya ditipu apabila mendapati semua wang dalam akaun banknya lesap," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Buat semakan polis

Ramli berkata, polis menasihatkan orang ramai yang menerima panggilan meragukan untuk segera membuat semakan dengan polis atau agensi kerajaan berkenaan bagi mengelak menjadi mangsa penipuan.

"Sekiranya diminta memberikan apa-apa maklumat perbankkan, kita minta jangan dedahkannya," katanya.

Suspek memaklumkan akaun e-dompet milik mangsa sudah tamat tempoh dan terdapat 750 point (jumlah mata terkumpul) yang masih belum dituntut. Mangsa menyerahkan tujuh nombor TAC yang berlainan kepada suspek sebelum menyedari dirinya ditipu apabila mendapati semua wang dalam akaun banknya lesap

Ramli Mohamed Yoosuf,
Ketua Polis Pahang

